

NO SOALAN :448

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG
KERIAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status
projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) khususnya di
Kelantan dan bilakah ia akan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan
satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat
2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017
yang lalu. Sesi tersebut berlangsung selama 90 hari, bermula pada 8
Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017. Ianya dilaksanakan di 38

lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Oleh yang demikian, proses pengambilan tanah bagi jajaran ECRL akan dilaksanakan pada tahun 2017 dan membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan. Berdasarkan perkembangan ini, projek ini dijangka siap sepenuhnya termasuk di Negeri Kelantan pada akhir suku kedua 2024.